



4 juta tak faham kepentingan mengundi

Tatkala semua pihak menanti dengan penuh debar tarikh Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) yang dikatakan boleh diadakan pada bila-bila masa, bilangan anak muda yang masih tidak mendaftar sebagai pengundi terus merisaukan semua pihak. Walaupun pelbagai inisiatif dan kempen sudah digerakkan ternyata kebanyakan anak muda negara ini masih terus degil dan liat untuk mendaftarkan diri mereka sebagai pengundi.

Statistik Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menunjukkan lebih empat juta rakyat Malaysia yang layak mengundi, masih belum mendaftar diri sebagai pengundi dengan majoritinya adalah golongan muda berusia 21 tahun. Ini jelas satu fenomena yang kurang sihat untuk masa depan negara kerana mereka masih belum menyedari hakikat betapa kuasa undi mereka cukup penting bagi menentukan hala tuju dan masa depan negara.

Lebih mengejutkan apabila dua kajian memberikan penemuan yang cukup merisaukan dan kita wajar bimbang dengan situasi ini. Baru-baru ini, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak mendedahkan kajian Merdeka Centre mendapati anak muda negara ini pasif terhadap politik kerana faktor terlalu sibuk dengan kerja, muak dengan permainan politik golongan tua, merasakan mengundi tidak membawa apa-apa faedah dan tidak percaya kepada ahli politik.

Manakala, kajian penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula dilaporkan lebih mengejutkan apabila anak muda merasakan kepentingan mereka diabaikan oleh ahli politik dan golongan muda juga dikatakan rasa bercelaru dengan keadaan politik semasa. Ringkasnya segelintir golongan belia dikatakan tidak percaya dengan institusi politik negara dan ini tidak wajar berlaku sama sekali.

Kedua-dua hasil kajian ini jelas memberikan satu gambaran yang cukup menarik untuk kita teliti secara mendalam. Walaupun responden kajian ini mungkin tidak mewakili pandangan keseluruhan empat juta itu ataupun keseluruhan anak muda di negara ini, namun hasil maklum balas mereka ini tidak wajar diabaikan begitu saja. Faktor yang disebut dan dijadikan alasan golongan muda ini untuk tidak mendaftarkan diri sebagai pengundi perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak.

Faktor dan alasan klise seperti terlalu sibuk dengan kerja hingga tidak ada masa dan tidak sempat untuk mendaftar, misalnya sekali lagi membuktikan betapa mereka sangat tidak menyedari

kepentingan untuk mendaftar dan mengundi. Mereka masih tidak memahami hakikat kepentingan mengundi dan keperluan untuk menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara.

Alasan ini juga dilihat cukup signifikan dengan faktor merasakan mengundi tidak membawa apa-apa faedah kepada mereka. Ini menunjukkan golongan ini terlalu mengharap balasan secara peribadi untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap negara. Budaya mengharap ataupun meminta balasan jelas bukan satu budaya yang mahu kita banggakan dan kita tidak boleh membiarkan budaya ini terus mencengkam jiwa anak muda kita.

Justeru, dalam konteks ini, kita berharap pihak berkuasa akan terus memainkan peranan untuk memberi penerangan kepada golongan anak muda seperti ini mengenai kepentingan mendaftar dan turun mengundi. Golongan ini perlu disedarkan mengundi pada hari ini tidak semestinya akan memberikan pulangan dan habuan yang segera apatah lagi secara peribadi kepada setiap pengundi, sebaliknya mengundi akan membantu mencorakkan masa depan negara ini yang lebih gemilang sekali gus memberi impak yang positif dan ganjaran yang lumayan kepada masa depan generasi dan juga negara secara menyeluruh dan berpanjangan.

Ringkasnya pemikiran cetek golongan muda seperti mengundi

tidak berikan apa-apa faedah perlu ditangani dan disantuni dengan bijak dan berhemah.

Pada masa sama, bagi mengatasi masalah golongan ini yang dikatakan terlalu sibuk fokus kepada kerja, mungkin kita boleh mencadangkan agar SPR boleh membuka lebih banyak lagi kaunter pendaftaran bergerak. Kaunter bergerak ini boleh difokuskan kepada organisasi mahupun syarikat besar yang mempunyai bilangan pekerja dari kalangan belia yang ramai. Biar kita terus mencari mahupun memburu mereka hingga ke tempat kerja masing-masing bagi membuktikan keseriusan inisiatif kita dalam memastikan semua warganegara yang layak dapat mendaftar dan menunaikan tanggungjawab mereka terhadap negara.

Di samping itu, isu lain yang diketengahkan anak muda sebagai faktor yang menghalang mereka daripada mendaftarkan diri sebagai pengundi juga perlu diperhalusi dan ditangani dengan segera. Isu seperti sikap mereka yang pasif terhadap politik, mula bosan dan tidak percaya kepada institusi politik negara serta merasakan kepentingan mereka diabaikan oleh ahli politik dilihat persepsi yang cukup membimbangkan.

Maka persepsi seperti ini perlu diperbetulkan segera. Tanggungjawab memperbetulkan persepsi ini perlu dipikul secara bersama oleh semua ahli politik di

negara ini.

Pandangan dan persepsi yang negatif seperti ini menunjukkan golongan ini masih tidak mendapat penjelasan yang sewajarnya mengenai institusi politik di negara ini. Kita tidak boleh membiarkan anak muda bersikap pasif terhadap politik kerana ia akan terus menjauhkan mereka daripada dunia politik sehingga satu hari nanti kita akan menghadapi masalah besar untuk mencari bakat baru dan muda untuk meneruskan legasi kepemimpinan negara.

Oleh itu, semua parti politik perlu secara agresif turun padang bagi berkempen untuk menarik minat belia supaya aktif politik. Malah, parti politik juga perlu memainkan peranan untuk ambil peluang memperbetulkan persepsi anak muda seperti ini. Segala keraguan, kerisauan dan kekelaruan mereka mengenai politik perlu dijawab secara fakta, berhemah dan profesional. Kita percaya generasi muda yang ada pada hari ini cukup objektif dan

majoritinya berpendidikan tinggi, justeru mereka akan menerima jawapan yang betul dan meyakinkan mereka dengan positif.

Institusi politik adalah tulang belakang setiap negara yang bebas dan berdaulat dan pastinya setiap warganegara mengimpikan kestabilan politik yang kukuh untuk rakyat dan negara kekal aman, selamat, bersatu padu serta terus maju ke hadapan. Justeru besarlah harapan kita agar anak muda negara ini akan segera menyedari kepentingan untuk mendaftarkan diri dan turun mengundi serta terus cakna terhadap perkembangan politik tanah air.

Kita tidak mahu negara rugi akibat sikap dan juga persepsi golongan muda semata-mata.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**



Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

